

# PELANTIKAN PENERIMA & PENGURUS (*RECEIVER & MANAGER - R&M*) DALAM PENGENDALIAN ASET CAGARAN BAGI PELANGGAN YANG MUNGKIR DI BANK RAKYAT

## *APPOINTMENT OF RECEIVER AND MANAGER (R&M) IN THE HANDLING OF COLLATERAL ASSET FOR DEFAULTING CUSTOMER IN BANK RAKYAT*

Farhan Akhnan Bin Ibrahim<sup>1</sup>  
Emalia Khartini Binti Maslin<sup>1</sup>  
Siti Nurimani Binti Zahari<sup>1</sup>  
Wan Ahmad Izzat Bin Wan Ahmad Sanadi<sup>1</sup>  
Abdul Muiz Bin Abdul Hakim<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Bank Kerjasama Malaysia Berhad  
Corresponding email: farhan.akhnan@bankrakyat.com.my

### Article history

**Received date** : 12-12-2021  
**Revised date** : 13-12-2021  
**Accepted date** : 15-2-2022  
**Published date** : 15-3-2022

### To cite this document:

Ibrahim, F. A., Maslin, E. K., Zahari, S. N., Wan Ahmad Sanadi, W. A., & Abdul Hakim, A. M. (2022). Pelantikan Penerima & Pengurus (Receiver & Manager - R&M) dalam Pengendalian Aset Cagaran bagi Pelanggan yang Mungkir di Bank Rakyat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(43), 101 - 114.

---

**Abstrak:** *Praktis semasa industri amnya dan Bank Rakyat khususnya di dalam pelantikan penerima dan pengurus (R&M) bertujuan menguruskan atau melupuskan aset-aset cagaran pelanggan melalui perjanjian debentur yang dimeterai antara bank dan pelanggan di awal kontrak. Perjanjian debentur tersebut menyatakan skop tugas R&M, jenis-jenis aset yang dicagarkan dan persetujuan pelanggan ke atas pelantikan R&M. Menjadi keutamaan bagi sesebuah institusi perbankan Islam untuk memastikan semua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan mematuhi kehendak Syariah. Justeru, ia menjadi pencetus kepada kajian ini yang objektifnya untuk mengkaji praktis semasa di Bank Rakyat serta pandangan dan hujah-hujah fuqaha berkaitan pelantikan R&M sebagai wakil dalam menguruskan aset cagaran sama ada mematuhi piawaian Syariah atau sebaliknya. Kajian kualitatif digunakan merangkumi reka bentuk kajian, prosedur penganalisan data dan lain-lain melalui kaedah kajian lapangan dan perpustakaan menerusi analisis dokumentasi dan pengumpulan data berkaitan serta temubual. Hasil kajian ini mendapati perlantikan R&M merupakan satu keperluan kepada institusi perbankan Islam dan ianya dibenarkan berasaskan konsep wakalah dengan menerima perjanjian debentur daripada pelanggan sebagai sekuriti ke atas pembiayaan yang ditawarkan dengan meletakkan syarat-syarat tertentu di dalam perjanjian debentur atau dokumen perjanjian lain. Oleh itu, penyelidik mengemukakan satu Parameter Syariah khusus berkaitan pelantikan R&M dalam pengurusan aset-aset cagaran pelanggan yang mungkir bagi memastikan kepatuhan Syariah terlaksana setiap masa.*

**Kata kunci:** *cagaran, parameter syariah, bank rakyat, penerima dan pengurus (receiver & manager) (R&M), wakil*

**Abstract:** *The current practice on the appointment of receivers and managers (R&M) in the banking industry in general and Bank Rakyat in particular aims to manage or dispose the customer's collateral assets through a debenture agreement entered into between the bank and the customer at the beginning of the contract. The debenture agreement sets out the scope of the R&M responsibilities, the types of collateral assets and the customer's agreement on the R&M appointment. It is a priority for an Islamic banking institution to ensure that all products and services offered comply with Shariah requirements. Thus, it is the main focus of this study whose objective is to examine the current practice in Bank Rakyat as well as the views and arguments of jurists related to the appointment of R&M as a representative in managing collateral assets whether it is in compliance with Shariah standards or otherwise. Qualitative research is used, which includes the research design, data analysis procedures, library research as well as interviews that allow the collection and documentation of relevant data. The results of this study found that the appointment of R&M is a requirement for Islamic banking institutions and it is allowed based on the concept of wakalah by accepting debenture agreements from customers as security on financing offered by placing certain conditions in debenture agreements or any other agreement. Therefore, the researcher presented a specific Shariah Parameter related to the appointment of R&M in the handling of defaulting customer's collateral assets to ensure the implementation of Shariah compliance at all times.*

**Keyword:** *Collateral, shariah parameter, bank rakyat, receiver & manager (R&M), agent*

## **Pengenalan**

Penerimaan (*receivership*) berlaku apabila R&M dilantik oleh pemegang debentur. Pemegang debentur pada kebiasaannya ialah bank atau mana-mana institusi kewangan. Fungsi utama R&M adalah untuk mengambil alih kawalan ke atas aset-aset pelanggan yang mungkir sebagaimana tertakluk di dalam debentur. Penerimaan merupakan salah satu bentuk penyelesaian penguatkuasaan sekuriti berpandukan kontrak yang dimeterai antara pihak yang terlibat mengikut prinsip undang-undang di Malaysia. Ia melibatkan pelantikan R&M di bawah terma dan syarat dokumen sekuriti yang kebiasaannya debentur mengandungi gadaian tetap (*fixed charge*) atau gadaian terapung (*floating charge*) atau kedua-duanya dengan memberi hak untuk mengambil pemilikan atau menjual aset milik penghutang. Tanggungjawab R&M pada dasarnya adalah untuk mengambil alih aset syarikat dan merealisasikannya untuk kepentingan pemegang debentur, tertakluk kepada kewajipannya kepada syarikat untuk mendapatkan harga terbaik dan berpatutan yang dapat dicapai mengikut nilai pasaran pada waktu jualan. (Rabindra S Nathan, 2007).

R&M ialah pihak yang dilantik untuk menguruskan aset-aset cagaran yang dicagar oleh pihak pelanggan setelah pihak pelanggan mengalami kemungkiran di dalam sesuatu pembiayaan. Tugas-tugas R&M yang dilantik adalah terikat dengan syarat-syarat yang telah dinyatakan di dalam debentur yang telah dipersetujui oleh kesemua pihak yang terlibat.

Pelantikan R&M telah menjadi keperluan dan merupakan amalan dalam industri perbankan bagi memulihkan semula dan menyelesaikan projek terbengkalai untuk kepentingan bank dan pembeli yang sedang menunggu unit mereka untuk disiapkan. Justeru, R&M adalah merujuk kepada pihak yang dilantik bagi menguruskan aset-aset yang termaktub di dalam debentur dan

menyempurnakan tugas yang disenaraikan di dalam *Deed of Appointment & Indemnity* (DOA) yang merujuk kepada dokumen perjanjian antara bank dan *R&M*. Persetujuan awal pelanggan di dalam perjanjian debentur menunjukkan pelanggan telah memahami tindakan yang akan dilaksanakan oleh *R&M*. Setelah itu, Bank akan mengambil kira pulangan daripada projek tersebut sama ada keuntungan yang diperolehi dapat menampung jumlah kemungkiran atau sebaliknya.

### **Pernyataan Masalah**

Terdapat beberapa isu Syariah yang perlu diperincikan di dalam pelaksanaan pelantikan *R&M* serta perkara yang berkaitan dengan pengurusan aset-aset cagaran oleh *R&M* yang dilantik oleh bank untuk menguruskan aset-aset cagaran setelah didapati pelanggan mengalami kemungkiran di dalam pembiayaan. Di antara isu yang dibangkitkan di antaranya adalah seperti jenis-jenis aset cagaran boleh diterima dari sudut Syariah, lebih atau kekurangan hasil lelongan dan juga kaedah pencairan aset-aset cagaran sama ada ia selari dengan keperluan Syariah atau sebaliknya terutama apabila terdapat aset yang bercampur antara patuh dan tidak patuh Syariah. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan memperincikan isu-isu Syariah berbangkit melalui pelantikan *R&M* dalam mengendalikan aset-aset cagaran terutamanya yang melibatkan penguatkuasaan pelaksanaan akad *Rahn* dalam pengendalian atau pengambilalihan aset cagaran bagi pelanggan yang bermasalah kerana ia didapati tiada garis panduan atau parameter Syariah yang khusus dalam pelaksanaan perkara tersebut.

Berdasarkan kajian daripada *International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA)* berkenaan dengan *Shari'ah Non Compliant Assets as Rahn (pledge) in Islamic Banking Products: A Fiqh perspective* hanya menyentuh isu-isu cagaran yang melibatkan isu Syariah dari sudut perspektif fiqh sahaja dan ia tidak menyentuh isu operasi untuk mengendalikan aset-aset cagaran yang melibatkan isu Syariah seperti keperluan mewujudkan satu garis panduan dan parameter yang khusus untuk mengendalikan aset-aset tersebut. Di antara bank-bank lain sebagai koresponden di dalam kajian ini juga, ia didapati tidak mempunyai parameter yang khusus berkenaan dengan pelantikan *R&M* dan pengendalian aset-aset cagaran. Sehubungan dengan itu, kajian ini dibuat adalah dengan memberi penekanan kepada isu-isu Syariah serta operasi dalam penyediaan garis panduan dan parameter khusus bagi tujuan pelantikan *R&M* serta mengurus aset-aset tersebut. Selain itu, dengan mewujudkan parameter khusus bagi pelantikan *R&M* ini, ia dapat menjadi rujukan kepada industri kewangan Islam.

### **Skop Kajian**

Berdasarkan pemerhatian Penyelidik, kajian yang telah dijalankan adalah berkisarkan situasi atau kes yang telah berlaku di dalam Bank Rakyat dengan pelanggannya. Setakat kajian dibuat, didapati perbankan Islam tidak mempunyai parameter Syariah yang khusus berkaitan dengan pelantikan *R&M* tersebut. Justeru itu, kajian ini akan memfokuskan kepada ketetapan-ketetapan Syariah yang perlu dipatuhi di dalam usaha untuk menghasilkan satu parameter Syariah khas yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada *R&M*. Pada masa yang sama, apakah bentuk kawalan Syariah yang perlu ada untuk memastikan tindakan *R&M* tidak bercanggah dengan kehendak Syariah. Ketiadaan parameter dan garis panduan yang khusus berkenaan dengan pelantikan *R&M* dan pengurusan aset-aset cagaran yang dilaksanakan oleh *R&M* ke atas syarikat-syarikat yang mungkir dibimbangi boleh membawa kepada isu ketidakpatuhan Syariah serta ia boleh menjejaskan reputasi nama baik sesebuah nama perbankan Islam malah pendapatan daripada hasil yang tidak patuh Syariah juga tidak boleh diiktiraf sebagai pendapatan bank. Di antara skop yang menjadi topik kajian adalah:

- i. Bagaimanakah kaedah pengurusan aset cagaran yang statusnya bercampur antara aset yang patuh Syariah dan tidak patuh Syariah., Apabila aset yang dicagarkan itu perlu dicairkan oleh bank, apakah garis panduan atau kaedah yang akan digunakan oleh bank untuk mengambil keuntungan/manfaat daripada aset yang telah dicairkan?
- ii. Jika terdapat lebih hasil jualan daripada kecairan aset tersebut, adakah lebih daripada hasil jualan tersebut boleh diserahkan kepada R&M?
- iii. Apakah hubungan di antara R&M dan Bank Rakyat serta adakah R&M dibenarkan untuk mengenakan sebarang caj kepada pihak bank di atas kerja yang dilakukan?

Kajian berkaitan pelantikan R&M dilaksanakan sebagai usaha untuk mengenalpasti dan untuk memastikan setiap operasi yang dijalankan oleh bank adalah mematuhi kehendak-kehendak dari sudut perundangan, operasi dan juga aspek Syariah.

### Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Menyemak dan menilai semula proses pelantikan R&M yang sedia ada yang dilaksanakan oleh bank.
- ii. Mengenalpasti pengurusan aset cagaran yang melibatkan penguatkuasaan pelaksanaan akad rahn mematuhi ketetapan Polisi Dokumen Rahn yang dikeluarkan oleh BNM.
- iii. Menghasilkan Garis Panduan / Parameter Syariah bagi pelantikan R&M dan pengurusan aset cagaran

### Literatur

Tidak terdapat kajian lepas yang membahaskan tentang pelantikan R&M dari sudut Syariah. Antara beberapa isu yang perlu diteliti dalam pelantikan R&M adalah isu *wakalah*, fungsi tugas R&M, jenis-jenis aset yang dicagarkan oleh pelanggan dan juga tatacara pengurusan aset cagaran yang berasaskan konsep *rahn* agar perbincangan berkenaan isu-isu yang dibincangkan lebih jelas dan bebas daripada isu operasi atau isu Syariah. Kajian literatur dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

#### Pelantikan Penerima dan Pengurus (R&M) Menurut Perspektif Syariah

Pelantikan R&M berdasarkan konsep *wakalah*. *Waklah* adalah satu kontrak di mana prinsipal melantik pihak lain sebagai wakil untuk melaksanakan tugas tertentu. Kontrak *wakalah* diharuskan oleh Syariah sama ada dengan mengenakan fi atau secara sukarela tanpa fi (PD *Wakalah*, 2016). Upah atau fi (jika ada) dalam kontrak *wakalah* mesti ditentukan dengan jelas sama ada dalam bentuk amaun atau nisbah tertentu dan dipersetujui oleh pihak yang berkontrak. Ia boleh dibayar semasa akad atau dalam tempoh masa yang dipersetujui. Pensyariatan *wakalah* ini adalah berdasarkan surah Al-Isra ayat 65:

“Sesungguhnya hamba-hambaku (yang beriman dengan ikhlas), tiadalah engkau (hai iblis) mempunyai sebarang kuasa terhadap mereka (untuk menyesatkannya); cukuplah Tuhanmu (Wahai Muhammad) menjadi pelindung (bagi mereka)”.

#### Aset Cagaran Berasaskan Konsep Rahn

*Rahn* bermaksud gadaian. Manakala dari sudut istilah menurut Imam Ibnu Manzur diertikan sebagai apa-apa yang diberikan sebagai jaminan atas suatu manfaat barang yang digunakan. Gadaian (*rahn*) menurut istilah undang-undang Islam sebagaimana yang diperkatakan oleh para ulama Maliki iaitu:

“Pemberian seseorang yang diizinkan berkontrak, sesuatu yang boleh dijual atas sesuatu yang mempunyai gharar (yang sedikit) sebagai jaminan ke atas sesuatu hak”  
(Muhammad ‘Ulaisy t.th. 5:56-57; al Dasuqi t.th, 3:231).

Keharusan konsep *rahn* dari sudut syarak berdasarkan surah al-Baqarah ayat 283 yang bermaksud:

*“dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang secara tangguh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang).”*

Justeru, bank perlu meneliti aset apakah yang boleh diterima sebagai cagaran yang mana ia juga diterima dari sudut syarak sebagaimana yang disebut dalam kaedah fiqh:

*“Apa yang diharuskan berjual beli maka harus juga dicagarkan.”*  
(An Nawawi,1994)

Debentur sebagai cagaran berdasarkan konsep *rahn* perlu memenuhi rukun dan syarat *rahn*. Pihak bank akan meminta sekuriti debentur apabila pelanggan tidak mampu memberikan cagaran yang sama nilainya dengan jumlah pembiayaan yang diminta. Melalui debentur ini, pelanggan boleh mendapatkan jumlah pembiayaan yang lebih tinggi nilainya. Walau bagaimanapun, bank sangat berhati-hati dalam menerima sekuriti jenis debentur ini memandangkan ianya lebih berisiko berbanding sekuriti lain.

Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia (BNM) dan Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat telah memutuskan bahawa sekiranya terdapat lebih keuntungan daripada hasil jualan atau lelongan aset cagaran setelah ditolak kos kemungkiran maka bank perlu memulangkan lebih tersebut kepada pelanggan. Jika masih terdapat kekurangan, bank boleh membuat tuntutan melalui mahkamah. Pemilik aset selaku penerima biaya dalam kontrak *rahn* berhak terhadap hasil keuntungan daripada aset cagaran sepanjang tempoh cagaran kerana kontrak *rahn* bukan kontrak pemindahan hak milik aset cagaran daripada pencagar kepada penerima cagaran. Ulama bersependapat dalam menentukan pencagar sebagai pemilik keuntungan yang terhasil daripada aset cagaran kerana ia merupakan pemilik aset tersebut (Al-Juzairi, 2000). Imam Syafii, (1994) turut menyatakan:

*“keuntungan aset cagaran adalah penambahannya manakala kerugian aset cagaran adalah kemusnahan dan pengurangannya”*  
(Ibnu Hajar, 1982).

Pandangan-pandangan di atas adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Aset cagaran tidak akan hilang daripada hak pemilik (apabila dia tidak melunaskan hutangnya). Sebarang keuntungan ke atas aset cagaran adalah hak pemilik, dan sebarang tanggungan mesti ditanggung olehnya”.*  
(Ibn Hibban, 1232)

### **Pengertian Harta Dari Perspektif Syariah**

Menurut Ahmad Yusuf (1986), sesuatu yang boleh dimanfaatkan tetapi ditegah oleh syarak untuk memanfaatkannya seperti bangkai, najis dan sebagainya tidak diiktiraf sebagai harta oleh



sebilangan besar fuqaha, bahkan juga tidak dikenakan zakat memandangkan ia tiada nilai di sisi syarak (Mal Ghair Mutaqawwam). Maka setiap sesuatu yang tidak boleh diterima sebagai harta juga tidak boleh dijadikan sebagai cagaran kerana ia tidak mematuhi piawaian Syariah. Larangan penggunaan tersebut dinyatakan dalam surah al-Maidah yang bermaksud:

*“Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan,”*  
(Al-Maidah,90)

Harta yang boleh diterima sebagai cagaran dalam kontrak *rahn* mesti diiktiraf oleh Syarak, berharga, wujud, boleh dikenal pasti dan boleh dihantar (Polisi Dokumen Rahn, 2018). Cagaran mestilah diiktiraf sebagai harta patuh Syariah (AAOIFI, 2015). Ia harus dinyatakan dengan baik (melalui penunjuk, penamaan atau keterangan) dan boleh sampai ke destinasi (Al-Zuhaili, 2002).

Justeru, Polisi Dokumen *Rahn* Bank Negara Malaysia menyatakan bahawa harta yang boleh diterima sebagai aset cagaran (*marhun*) dalam kontrak *rahn* adalah yang diiktiraf oleh Syarak, berharga, wujud, boleh dikenal pasti dan boleh dihantar atau disampaikan.

Manakala AAOIFI dalam Shariah Standard No.39 juga menetapkan bahawa cagaran mestilah patuh Syariah.

### **Jenis-jenis Aset Yang Diterima Sebagai Cagaran:**

#### **Aset Cagaran Patuh Syariah, Bercampur Dan Tidak Patuh Syariah**

Dapat difahami bahawasanya terdapat pelbagai jenis aset cagaran yang perlu dipertimbangkan untuk diterima dan dicairkan mengikut kaedah yang patuh Syariah. Aset cagaran yang diterima adalah berbentuk seperti;

- i. Aset fizikal yang digunakan untuk menjalankan aktiviti yang patuh Syariah atau sebaliknya
- ii. Aset kewangan yang patuh Syariah, tidak patuh Syariah dan separa patuh Syariah (bercampur) (BNM/PH/RD 028-3 (2018); Polisi Dokumen Rahn, 2018)

Aset yang diterima sebagai cagaran menurut praktis intitusi perbankan Islam masa kini ialah aset fizikal atau aset kewangan patuh Syariah dan aset kewangan tidak patuh Syariah. Bagi aset yang tidak patuh Syariah, Bank hanya dibenarkan untuk mengambil setakat jumlah prinsipal sahaja ketika ianya dicairkan. Selain itu, aset fizikal atau saham syarikat bercampur di antara patuh dan tidak patuh Syariah adalah bergantung kepada syarat iaitu aktiviti teras syarikat tersebut mestilah patuh Syariah dan elemen yang bercampur boleh diasingkan. Sekiranya ia tidak boleh diasingkan maka ia tidak dibenarkan untuk diterima sebagai cagaran. Bank juga boleh menerima aset yang belum wujud dan dijangka akan wujud pada masa hadapan (*future asset*) sebagai cagaran tambahan selain daripada cagaran sedia ada. Contoh aset yang belum wujud dan dijangka akan wujud ialah seperti bank yang memegang suatu debentur sebagai jaminan kepada pembayaran hutang pembiayaan yang mana aset cagaran bukan sahaja terhad kepada aset tetap sedia ada seperti kilang, tetapi juga meliputi keluaran yang akan dihasilkan oleh kilang tersebut. (Kompilasi Keputusan Syariah Dalam Kewangan Islam, 2017). Sebagaimana yang diputuskan di dalam Mesyuarat MPS BNM ke-174 bertarikh 28 Februari 2017 memutuskan seperti berikut:

*”Suatu aset yang akan wujud pada masa hadapan boleh dicagarkan di bawah kontrak rahn dengan persetujuan kedua pihak yang berkontrak. Keputusan ini memberikan fleksibiliti dalam pengoperasian rahn oleh IKI dengan membenarkan pencagaran aset yang akan wujud dan pencagaran aset yang nilainya bersifat terapung (berubah-ubah)”.*

Ketetapan ini, membenarkan bank menerima pelaksanaan debentur ke atas aset yang bakal dimiliki. Cagaran hanya berkuatkuasa setelah hak milik bertukar kepada pelanggan. Bank dibenarkan menjual atau melelong aset tersebut bagi mendapatkan semula jumlah pembiayaan yang tertunggak.

## **Metodologi Kajian**

### **Pernyataan Masalah**

Di dalam kajian ini, sampel kajian adalah Jabatan Pemulihan Perniagaan dan juga syarikat yang terlibat. Kedua-duanya dipilih bagi membolehkan penyelidik membuat penelitian ke atas dokumen debentur dan lain-lain dokumen perundangan yang digunakan di dalam proses memahami tugas-tugas dan keperluan pelantikan *R&M* di dalam menguruskan aset cagaran pelanggan.

### **Responden Kajian**

Penyelidik telah memilih seramai 6 orang sebagai responden temubual bagi kajian yang dijalankan. Temubual juga telah dilakukan adalah dengan salah seorang Ahli Jawatankuasa Syariah (AJS) Bank Rakyat, Ketua Perundangan (Pembiayaan Korporat & Dokumentasi) dan Ketua Pemulihan Perniagaan beserta dengan Penolong Pengurus, Ketua Pematuhan Syariah dan Ketua Penyelidikan & Perundingan Syariah bagi mendapatkan ulasan yang lebih jelas berkenaan dengan pelaksanaan pelantikan *R&M* serta pelaksanaan ke atas aset-aset cagaran yang dilaksanakan di Bank Rakyat sama ada dari sudut operasi, perundangan serta Syariah.

Temubual tersebut telah dibuat secara bersemuka dengan kesemua responden secara berasingan. Responden yang telah dipilih adalah responden yang berpengalaman serta mempunyai maklumat yang lengkap berkenaan dengan Syariah, perundangan serta operasi pelantikan *R&M*. Selain itu, sekiranya penyelidik memerlukan beberapa soalan tambahan ketika kajian dibuat, responden-responden yang terlibat akan dihubungi melalui emel, dan panggilan telefon.

### **Pengumpulan Data**

Bagi pengumpulan data, kajian ini menggunakan dua kaedah dalam pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah merujuk kepada data yang dikumpulkan sendiri oleh penyelidik menerusi temubual manakala pengumpulan data sekunder pula adalah tertumpu kepada dapatan melalui kajian ke atas bahan-bahan rujukan dan bahan bacaan secara atas talian dengan merujuk kepada penulisan artikel, jurnal, akta syarikat, dokumen perundangan dan seumpamanya. Penyelidik juga merujuk akta-akta syarikat, dokumen perundangan, buku-buku berkaitan *R&M* serta debentur, penelitian ke atas fatwa, resolusi BNM dan sebagainya. Kesemua data yang diperolehi melalui secara primer akan direkodkan melalui peranti telefon mudah alih atau alat merekod khas serta turut dicatat di dalam catatan yang khas bagi memastikan setiap maklumat atau data yang diterima adalah tepat. Kaedah penerangan diperlukan untuk memahami fungsi dan peranan *R&M*, manakala kaedah perbandingan dilakukan antara *R&M* dan debentur serta sekuriti yang lain, perbezaan kontrak *wakalah* dengan

*ujrah* dan tanpa *ujrah* serta membandingkan fatwa Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM) dan pakar Syariah dari negara timur tengah seperti badan *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution* (AAOIFI).

Temubual secara bersemuka memberi kelebihan kepada penyelidik memandangkan kaedah tersebut dapat memberi kesan serta maklum balas yang lebih jitu terhadap soalan-soalan yang telah diajukan. Kesemua temubual tersebut telah dilakukan di Menara Bank Rakyat, Kuala Lumpur. Bagi merealisasikan kajian, segala perbualan semasa temubual dibuat adalah direkod bagi tujuan mendapatkan maklumat yang tepat. Secara keseluruhannya jumlah jam temubual terhadap kesemua responden adalah 4 jam. Ia juga bergantung kepada soalan-soalan yang telah diajukan.

### **Prosedur Kajian**

Penyelidik telah membuat pembahagian tugas di antara ahli kumpulan untuk memudahkan proses mencari bahan-bahan rujukan sekunder. Bahan-bahan rujukan dikumpulkan dan isi-isi penting yang berkaitan dengan topik kajian akan dikeluarkan, dikumpul dan disusun mengikut tema kajian.

Seterusnya beberapa orang individu yang diyakini mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang perbankan dipilih untuk ditemubual secara berperingkat bagi mendapatkan maklumbalas mereka sama ada secara bertulis atau secara verbal ke atas pelaksanaan *R&M* serta apakah keperluan-keperluan Syariah yang diperlukan bagi memastikan pengendalian *R&M* ke atas aset cagaran adalah patuh syariah, Pihak Unit Perniagaan (*Business Unit*) telah ditemubual bagi membantu penyelidik memahami segala proses dan prosedur pelantikan *R&M*.

### **Analisa Kajian**

Hasil daripada kajian yang dijalankan membuktikan bahawa perlunya pihak bank untuk mewujudkan garis panduan dan parameter Syariah yang khusus dalam pelantikan *R&M* dan seterusnya menambahbaik polisi atau garis panduan sedia ada yang lebih menepati keperluan dan prinsip-prinsip Syariah.

### **Pelantikan Penerima dan Pengurus (R&M) di Bank Rakyat**

Hasil kajian mendapati, adalah menjadi keperluan dan praktis amalan industri perbankan masa kini, Institusi Kewangan Islam (IKI) dibenarkan meletakkan syarat kepada pelanggan di awal kontrak agar melantik IKI atau pihak ketiga yang berkelayakan yang akan dilantik oleh IKI sebagai wakil untuk mengendalikan aset cagaran jika berlaku kemungkiran di pihak pelanggan dan ianya dikuatkuasakan di dalam dokumen perjanjian berkaitan bagi menjaga hak kepentingan IKI sekiranya pelanggan menghadapi masalah kewangan dan tidak dapat menstabilkan semula prestasi kewangannya. Melalui perjanjian debentur yang telah dimeterai, bank diberi jaminan oleh pelanggan melalui mandat penurunan kuasa kepada bank untuk melantik mana-mana pihak sebagai *R&M* atau pihak ketiga yang berkelayakan untuk mengendalikan aset cagaran bertujuan untuk melunaskan hutang pelanggan yang tertunggak.


Kebiasaannya, *R&M* dilantik oleh pemegang debentur, namun dalam keadaan tertentu mereka juga boleh dilantik oleh mahkamah. Dengan termeterainya debentur antara bank dan pelanggan, pelanggan telah memberikan kuasa kepada bank sebagai pemegang debentur untuk melantik *R&M* bagi tujuan melindungi aset pelanggan dan hak Bank daripada sebarang unsur penganiayaan serta kerugian. Ketika berlaku kemungkiran oleh pihak pelanggan, segala terma dan syarat di dalam debentur akan berkuatkuasa serta merta. *R&M* akan memiliki kuasa dan keutamaan yang diberikan di dalam debentur dan *Deed of Appointment* (DOA). *R&M* berkuasa



mengambil alih, melupuskan dan mengendalikan harta syarikat dan sebagainya. *R&M* juga memiliki keupayaan untuk menjalankan perniagaan syarikat, mempertahankan segala prosiding atas nama perusahaan dan lain-lain lagi.

Bagi memahami aplikasi konsep Syariah di dalam pelantikan *R&M*, hubungan di antara pihak yang terlibat perlu dikaji terlebih dahulu iaitu: i. Hubungan antara Pelanggan dengan Bank dan ii. Hubungan antara Bank dengan *R&M*. Berdasarkan carta alir di bawah (ilustrasi 1) pelantikan di antara 3 parti yang terlibat adalah berdasarkan akad *wakalah*. Ia adalah berdasarkan Polisi Dokumen Wakalah BNM (2016), 14.7 (a) dan (b) menyatakan prinsipal (pelanggan) boleh bersetuju bahawasanya boleh melantik ejen lain bagi pihak prinsipal; atau ejen yang melantik ejen lain (sub-ejen) bagi pihaknya sendiri (ejen awal) untuk melaksanakan semua atau mana-mana tugas yang berkaitan.

**Ilustrasi 1: Akad Wakalah Dalam Pelantikan Penerima dan Pengurus (*R&M*)**



Sumber: Polisi Dokumen Wakalah BNM/RH/PD 028-3

### **Pelantikan sub-ejen**

Orang yang dilantik oleh ejen di dalam perniagaan agensi dan dalam kawalan ejen dikenali sebagai sub-ejen. Jika wujud sub-ejen, maka tiada pertalian kontrak antara prinsipal dan sub-ejen kerana sub-ejen tidak bertindak di bawah kawalan prinsipal (allpolyteknikmodul, 2011). Situasi yang membenarkan sub-ejen dilantik adalah apabila prinsipal sendiri memberi persetujuan kepada ejen mewakili kuasanya kepada orang lain. Menurut undang-undang agensi di Malaysia yang ditadbirkan oleh Bahagian X Akta Kontrak 1950: Perhubungan di antara ejen dan sub-ejen adalah seperti prinsipal dan ejen. Ejen bertanggungjawab terhadap prinsipalnya dan juga bertanggungjawab kepada sub-ejen. Prinsipal hanya mempunyai hak dan tanggungjawab terhadap ejen. Sekiranya pelantikan sub-ejen tidak dipersetujui oleh prinsipal, maka ejen sendiri akan bertanggungjawab kepada prinsipal dan pihak ketiga bagi segala perbuatan dan salah laku. Justeru, aplikasi *wakalah* pelantikan *R&M* ini, walaupun dibuat oleh bank, namun pelanggan sebagai pihak yang telah memberi penurunan kuasa kepada bank untuk melantik *R&M* telah bersetuju menanggung sebarang kos kemungkinan termasuk kos pelantikan *R&M* dan lain-lain kos berkaitan pengendalian aset pelanggan seperti yang dinyatakan dalam perjanjian debentur.

### **Penanggung Kos Penyimpanan, Dokumentasi dan Pencairan Aset Cagaran (Marhun)**

Secara umumnya, aset yang dicagarkan di bawah kontrak *rahn* mempunyai kos tertentu yang berkaitan seperti kos penyelenggaraan, penyimpanan dan pencairan aset. Praktis amalan IKI, aset tetap yang dijadikan cagaran lazimnya diletakkan di bawah jagaan pelanggan sendiri. Namun, aset boleh alih yang dijadikan cagaran biasanya akan disimpan oleh IKI. Keputusan MPS BNM ini berdasarkan pertimbangan-pertimbangan berikut:

- i. Jumhur ulama berpandangan, semua kos berkaitan *marhun* menjadi tanggungjawab *rahin*, tanpa membezakan sama ada kos tersebut berkaitan penyelenggaraan atau penyimpanan aset.
- ii. Amalan perbankan semasa, aset tetap yang dijadikan *marhun* biasanya dipegang oleh *murtahin* secara *qabd hukmi* yang tidak melibatkan pegangan secara fizikal. Sebaliknya, aset tersebut berada di bawah jagaan *rahin*. Oleh itu, lebih praktikal jika kos yang melibatkan penyimpanan, dokumentasi dan pencairan ditanggung oleh *rahin* selaku pemilik dan penyimpan aset tersebut.

### **Pengurusan Aset Cagaran Yang Berkaitan Dengan Konsep Ar-Rahnu:**

#### **Keizinan Pelanggan ke atas Jualan/Lelongan Aset Cagaran**

Antara prasyarat utama aset cagaran mesti dimiliki oleh penggadai dengan cara yang dibenarkan Syarak. Cagaran aset debentur terikat dengan peraturan *rahn*, maka bank tidak boleh menjualnya tanpa izin pelanggan kerana ia masih milik pelanggan, dan pelanggan masih berhak ke atas keuntungan yang diperolehi daripada aset tersebut. Oleh itu, bank dibenarkan meletakkan syarat bahawa pelanggan perlu melantik bank atau pihak ketiga sebagai wakil untuk menjual aset pelanggan jika berlaku kemungkiran bagi melunaskan hutang pelanggan yang tertunggak.

#### **Ciri-ciri Aset Yang Boleh Diterima Sebagai Cagaran**

Hanya aset yang diiktiraf sebagai *mal* (harta) yang bernilai dan bermanfaat serta boleh dijual beli di sisi Syarak sahaja boleh diterima sebagai cagaran. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh:

“*Apa yang harus dijual beli, maka ia juga harus dijadikan cagaran*”.

(An Nawawi, 1994)

Kaedah ini membuktikan bahawa syarat-syarat aset cagaran dalam konsep *rahn* adalah sama dengan syarat-syarat aset dalam kontrak jual beli. Ini kerana syarat utama sesuatu aset cagaran mesti diiktiraf oleh *syarak* sebagai sesuatu yang bernilai, wujud, dapat dikenal pasti, boleh dihantar dan dimiliki oleh penggadai. Walau bagaimanapun, para *fuqaha* memberikan kelonggaran kepada peminjam aset cagaran dengan syarat kebenaran dari pemilik sebenar telah diperolehi. Mazhab Syafi'i dan Hanbali menjelaskan syarat-syarat aset cagaran sama dengan syarat-syarat aset dalam jual beli adalah kerana aset cagaran diambil bertujuan untuk membayar hutang pelanggan yang tertunggak melalui penjualan aset cagaran tersebut jika pelanggan mungkir (Ibn Qudāmah, 1388H: 4/253). Ini hanya boleh dilaksanakan jika aset cagaran tersebut diiktiraf sebagai barang jualan yang sah di sisi *syarak*. Aset yang boleh diterima sebagai cagaran dalam perbankan Islam terdiri daripada dua bahagian iaitu:

#### **i) Aset Fizikal Patuh Syariah pada 'ain (fizikal) nya**

*Fuqaha* bersepakat mengatakan bahawa aset fizikal patuh Syariah seperti tanah dan bangunan, boleh diterima sebagai cagaran samaada digunakan untuk aktiviti patuh Syariah atau sebaliknya.

#### **ii) Aset Kewangan Patuh Syariah, Tidak Patuh Syariah Dan Bercampur**

Menurut perspektif Syariah, aset kewangan terdiri daripada 3 kategori iaitu aset kewangan patuh Syariah, tidak patuh syariah dan bercampur antara patuh Syariah dan tidak patuh Syariah.

**a) Aset kewangan patuh Syariah:**

Antara aset kewangan patuh Syariah yang boleh dicagarkan ialah wang tunai yang diperolehi daripada aktiviti perniagaan yang dibenarkan oleh *syarak*. Sijil simpanan tetap berasaskan Syariah, saham patuh Syariah dan lain-lain juga boleh dijadikan sebagai cagaran. Selain itu, MPS BNM pada mesyuarat ke-19 memutuskan, Instrumen Pasaran Kewangan juga boleh dijadikan sandaran. Antaranya Sijil Pelaburan Mudarabah dan aset yang berasaskan hutang seperti *Accepted Bil* (Bil Penerimaan) Secara Islam dan Sijil Hutang Boleh Niaga Secara Islam kerana ia merupakan aset yang dipegang oleh pemiliknya dan tidak tergolong sebagai barangan ribawi.

**b) Aset Kewangan Tidak Patuh Syariah:**

Merujuk kepada harta yang diperolehi melalui jalan tidak syar'ie melibatkan perkara yang diharamkan oleh Islam. Aset kewangan tidak patuh Syariah seperti Sijil Deposit Tetap Konvensional (tidak termasuk jumlah faedah), Bon Konvensional dan lain-lain boleh dijadikan cagaran bagi pembiayaan secara Islam terhadap kepada nilai prinsipal sahaja, iaitu nilai patuh Syariah sahaja kerana ianya merupakan hak atau harta pelanggan yang diiktiraf di sisi Syarak (MPS BNM, 1999 dan 2007).

**c) Aset Kewangan Bercampur Antara Patuh Dan Tidak Patuh Syariah:**

Merujuk kepada sesebuah syarikat yang terlibat dengan aktiviti bercampur antara patuh dan tidak patuh Syariah seperti dinyatakan pada para (a) dan (b) di atas. Pendapat majoriti ahli *fiqah*, saham bagi aktiviti bercampur, walaupun mewakili pemilikan yang tidak boleh dipisahkan, boleh dijadikan *marhun* dengan syarat bahagian patuh Syariah boleh diasingkan dan nilai yang boleh diambil hanya setakat jumlah patuh Syariah sahaja. Keharusan cagaran saham syarikat bercampur tertakluk kepada aktiviti terasnya patuh Syariah berdasarkan kaedah *fiqh*:

*“Pertimbangan adalah pada kebiasaan yang meluas dan bukan pada yang terpencil.”*  
(Al Zarka’, 1989)

MPS BNM pada mesyuarat ke-160 juga memutuskan perkara yang sama seperti di atas. Maka penyelidik menyimpulkan, bank boleh menerima aset cagaran bercampur setakat nilai patuh Syariah sahaja, dengan syarat aktiviti teras syarikat tersebut patuh Syariah dan boleh diasingkan diantara nilai patuh dan tidak patuh Syariah semasa proses pencairan. Jika pengasingan sukar dilakukan, maka bank dibenarkan mengambil jumlah keseluruhan atau jumlah hutang pelanggan yang tertunggak.

**Lebih Jualan/Lelongan Aset Cagaran**

Bank akan mengembalikan lebih hasil jualan aset cagaran setelah ditolak jumlah hutang dan kos berkaitan kemungkiran termasuk kos pelantikan *R&M* kepada pelanggan. Kompilasi Keputusan Syariah Dalam Kewangan Islam (96) BNM juga memutuskan:

*“Jika terdapat lebih hasil jualan marhun setelah pelunasan hutang serta pembayaran kos berkaitan, lebih tersebut hendaklah dipulangkan kepada rahin. Sekiranya hasil jualan tersebut tidak mencukupi untuk melunaskan hutang rahin kepada murtahin, maka kekurangan tersebut perlu ditanggung oleh rahin.”*

### Kawalan Pematuhan Syariah Di Peringkat Awal

Kaedah-kaedah berikut adalah merupakan inisiatif kawalan pematuhan Syariah pada peringkat awal sebelum menerima aset-aset cagaran:

1. Ketika proses tapisan/saringan Syariah dilaksanakan terhadap sesuatu permohonan pembiayaan, bank akan memastikan setiap aset yang dicagarkan adalah patuh Syariah.
2. Debentur yang dimeterai antara bank dan pelanggan bersifat umum termasuk aset-aset yang tidak patuh Syariah. Oleh itu, debentur tersebut perlu dibaca bersama dengan dokumen perjanjian bagi menghadkan hanya aset-aset yang patuh Syariah yang dibenarkan di dalam dokumen perjanjian keberhutangan antara bank dan pelanggan sahaja boleh dijadikan sebagai cagaran.

### Cadangan Dan Kesimpulan

#### Cadangan Mewujudkan Parameter Syariah Bagi Pelantikan R&M

Cadangan Parameter Syariah ini sebagai panduan kepada semua pihak bagi memastikan pelantikan R&M dalam mengendalikan aset cagaran pelanggan yang mungkir selari dengan kehendak Syariah dan seterusnya dapat memberikan nilai tambah dalam polisi/prosedur bank sedia ada demi kelestarian bank sebagai sebuah institusi perbankan Islam:

1. Aset yang dijadikan sebagai cagaran mestilah patuh Syariah sama ada {gadaian tetap} (*fix asset*), (gadaian terapung) (*floating asset*), (gadaian bakal dimiliki) (*future asset*) atau aset-aset lain yang dijadikan sebagai cagaran kepada pembiayaan.
2. Bank dibenarkan menerima cagaran dalam bentuk hartanah (bangunan/tanah) tertakluk kepada senarai negatif bagi aktiviti yang dijalankan ke atas hartanah yang dicagarkan.
3. Saham syarikat yang mempunyai komposisi aset bercampur boleh diterima sebagai cagaran dengan syarat perniagaan teras syarikat tersebut mestilah patuh Syariah.
4. Aset kewangan bercampur diterima sebagai cagaran dengan mematuhi syarat-syarat berikut:
  - Pengasingan perlu dilakukan antara aset kewangan yang patuh Syariah dengan aset kewangan yang tidak patuh Syariah semasa proses pencairan aset tersebut.
  - Jika pengasingan sukar dilaksanakan, maka bank dibenarkan mengambil jumlah keseluruhan atau bersamaan dengan jumlah hutang pelanggan yang tertunggak sahaja.
  - Nilai cagaran hanya terhad kepada bahagian yang patuh Syariah sahaja. Dalam hal ini:
    - ✓ Nilai cagaran untuk aset berasaskan faedah seperti sijil deposit tetap konvensional dan bon konvensional adalah terhad kepada nilai prinsipal sahaja; dan
    - ✓ Nilai cagaran bagi amanah saham yang tidak patuh Syariah adalah terhad kepada nilai pelaburan asal dan apa-apa pelaburan tambahan oleh pelabur.
5. Pelaksanaan debentur ke atas aset yang bakal dimiliki (*future asset*) dibenarkan dengan syarat *marhun* tersebut boleh dimiliki dan dipindah milik walaupun pada asalnya ia tidak dapat dikenal pasti. Bank hanya berhak ke atas jumlah keberhutangan termasuk kos-kos sebenar.
6. Jika terdapat lebih daripada hasil jualan aset cagaran pelanggan, maka ianya perlu dikembalikan kepada pelanggan. Bank hanya dibenarkan mengambil jumlah yang sama dengan nilai hutang pelanggan sahaja. Jika masih terdapat kekurangan yang tidak mampu menanggung kos-kos kemungkiran tersebut maka pelanggan bertanggungjawab untuk membayar jumlah kekurangan tersebut dan bank boleh membuat tuntutan melalui mahkamah.

7. *R&M* atau wakil yang dilantik oleh bank untuk mengendalikan aset cagaran boleh mengenakan caj *wakalah* ke atas perkhidmatan yang diberikan. Bank dan pelanggan juga boleh bersetuju bahawa kos pelantikan *R&M* dibiayai oleh pelanggan. Perkara ini perlu dinyatakan dengan jelas di dalam dokumen perundangan.
8. Bank dan *R&M* sebagai wakil boleh mendahulukan pembayaran kos-kos berkaitan pengendalian dan pelupusan aset cagaran pelanggan berasaskan *qard* dan kemudiannya akan ditolak selesai daripada akaun pelanggan atau dengan hasil jualan aset pelanggan.

### **Kesimpulan**

Penyelidik dapat menyimpulkan bahawa, terdapat pelbagai jenis aset-aset yang boleh dicagar oleh pelanggan. Sebagai sebuah bank yang mengamalkan konsep Syariah, penyelidik dapat menyimpulkan bahawasanya dengan mewujudkan garis panduan serta parameter Syariah yang khusus ke atas pelantikan *R&M* adalah sangat penting di dalam urusan perbankan Islam dalam menguruskan perkara yang berkaitan dan seterusnya ia boleh menjadi rujukan kepada pengamal-pengamal IKI yang lain. Hal ini adalah kerana bank perlu menjaga kepentingannya dengan mendapatkan semula haknya daripada pelanggan ketika mana berlaku kemungkiran di pihak pelanggan yang bertepatan dengan salah satu prinsip *Maqasid Syariah* iaitu kewajipan menjaga harta (*hifz al-mal*). Pelantikan *R&M* juga adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan pelanggan iaitu untuk melindungi aset yang dicagarkan oleh pelanggan agar ianya diperlakukan oleh bank menurut kaedah dan prosedur yang sah dari sudut Syariah serta perundangan. Selain itu, parameter tersebut juga adalah salah satu langkah dalam menjaga nama baik sesebuah institusi perbankan Islam supaya semasa proses pelaksanaan menerima dan mencairkan aset-aset cagaran mengikut lunas-lunas Syariah. IKI yang lain juga boleh jadikan parameter tersebut sebagai rujukan di dalam pelantikan *R&M*.

Sekiranya tiada pelantikan *R&M* dilakukan pada awal kontrak, bank perlu mendapatkan keizinan daripada pelanggan terlebih dahulu sebelum mengendalikan atau melupuskan aset cagaran untuk membayar hutang pelanggan yang tertunggak. Pada ketika itu, besar kemungkinan bank akan menghadapi kesulitan menjejaki pelanggan untuk mendapatkan keizinan melupuskan atau mengendalikan aset cagaran. Senario ini juga membuktikan bahawa pemindahan milik tidak berlaku secara automatik meskipun pelanggan telah mungkir. Justeru, aspek perwakilan juga amat diperlukan sebagai pihak kedua untuk menguruskan aset cagaran pelanggan.



## Rujukan

- Al-Zarqa', A. (1989). Syarh Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah. Dar Al-Qalam.
- Al-Samarqandi. (1983). Tuhfat Al-Fuqaha'. Dar al-Kutub Al-'Ilmiyah.
- ISRA Research Paper. (2017). Shariah Non-Compliant Assets as Rahn (Pledge) in Islamic Banking Products: A Fiqhi Perspective. International Shariah Research Academy for Islamic Finance, Kuala Lumpur.
- AAOIFI. (2015). Shariah Standard For Islamic Financial Institutions. Accounting And Auditing Organization For Islamic Financial Institutions, Manama.
- As-Suyuti, J.A. (1995). Al-Ashbah Wa An-Nazair Fi Qawa'ied Wa Furu' Fiqh Shafi'iyah. Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Bank Negara Malaysia. (2016). Polisi Dokumen Wakalah. <https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=57&pg=137&ac=499&bb=file>
- Bank Negara Malaysia. (2018). Polisi Dokumen Rahn. <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=57&pg=144&ac=713&bb=file>
- Hussain, L. Ali, M.M. (2017). Shariah Non-Compliant Assets as Rahn (Pledge) in Islamic Banking Products: A Fiqhi Perspective.
- Ibn Qudamah, A.A. (1968). Al-Mughni. Maktabah Al-Kaherah: Beirut.
- Ismail, M.B. (1996). Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah Bayn Al-Asalah Wa Al-Tawjih. Dar Al-Munar.
- Kompilasi Keputusan Syariah Edisi Ketiga BNM (Edisi ketiga) (Author), (2017)
- Abd. Razak. M. Zamerey. 2017, CAM (KK1/11/2017), Kompilasi Keputusan Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat, 28 Feb. 2017, Bank Rakyat, Bilik Mesyuarat 34
- Nathan, R.S. (2017). Malaysia Overview, The Asia Pacific Restructuring Review. <http://www.shearndelamore.com/pdfs/Law-Business-Research-The-Asia-Pacific-Restructuring-Review-2017.pdf>.
- Topik 4 Undang-undang Ejensi (n.d.). Retrieved October 15, 2020. <http://onlyyoumylaw.weebly.com/topik-4-undang-undang-ejensi.html>.
- Unit 7 Hak Dan Tanggungjawab Agen (n.d.). Retrieved March 24, 2021. <http://allpolyteknikmodul.blogspot.com/2011/09/unit-7-hak-dan-tanggungjawab-agen.html>.
- Yusuf, A. (1986). Al-Mal Fi Al-Shari'ah Al-Islamiyyah Bayn Al-Kasb Wa Al-Infaq Wa Al-Tawrith.
- Zaydan, A.K. Al-Madkhal Li Dirasat Al-Shariah Al-Islamiyyah. Maktabat Al-Quds: Beirut.
- Ad-Dimyati, I.N. Al-Khulasah Al-Fiqhiyyah 'Ala Mazhab As-Saadah Asy-Syafi'iyyah. Al-Ghuraba